

Air: Isu berpakej dibincang Isnin ini

UM 28 JUN 2002

KUALA LUMPUR 27 Jun — Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar akan mengetuai delegasi negara ke Mesyuarat Peringkat Menteri bagi membincangkan isu penyelesaian berpakej termasuk bekalan air dengan Singapura pada 1 dan 2 Julai ini di Putrajaya.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra di sini hari ini, antara isu lain yang bakal dibincangkan pada

mesyuarat itu ialah masalah tanah Keretapi Tanah Melayu dan penempatan pegawai-pegawai Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK).

“Selain itu, isu penggunaan ruang udara Malaysia oleh Singapura dan pengeluaran simpanan dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF)” turut akan dibincangkan,” kata kenyataan tersebut.

Pada tahun 1998, Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tong bersetuju menyelesaikan beberapa isu dua hala secara sekali gus dan berpakej.

Persetujuan itu dicapai semasa pertemuan Dr. Mahathir dan Chok Tong pada Sidang Kemuncak ASEAN di Hanoi pada 17 Disember tahun itu.

Menurut kenyataan tersebut, setakat ini Malaysia dan Singapura telah mengadakan tiga run-

dingan mengenai isu berpakej itu di peringkat pegawai kanan.

“Kali terakhir mesyuarat berkenaan diadakan ialah pada 27 hingga 28 Mei 1999 di Singapura,” katanya.

Katanya, mesyuarat peringkat menteri itu adalah yang pertama kali diadakan.

Delegasi dari Singapura ke mesyuarat tersebut akan diketuai oleh Menteri Luarnya, Prof. S. Jayakumar.